

## TAHAP KESEDIAAN DAN PENGGUNAAN M-PEMBELAJARAN DALAM KALANGAN GURU NOVIS PENDIDIKAN ISLAM DI SABAH

### READINESS AND USAGE OF M-LEARNING AMONG ISLAMIC EDUCATION NOVICE TEACHERS IN SABAH

Nur Atikah Miasan <sup>1</sup>  
Tengku Sarina Aini Tengku Kasim <sup>2</sup>

<sup>1</sup> Pelajar Sarjana Pendidikan Islam APIUM ([nur.a.m@siswa.um.edu.my](mailto:nur.a.m@siswa.um.edu.my))

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan APIUM ([tgsarina@um.edu.my](mailto:tgsarina@um.edu.my))

**Accepted date:** 15 April 2018

**Published date:** 1 July 2018

**To cite this document:** Miasan, N. A., & Kasim, T. S. A. T. (2018). Tahap Kesiediaan dan Penggunaan M-Pembelajaran dalam Kalangan Guru Novis Pendidikan Islam di Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(13), 18-31.

---

**Abstrak:** Kajian tinjauan deskriptif ini dijalankan bagi mengetahui tahap kesiediaan pelaksanaan m-pembelajaran, niat penggunaan dan penggunaan sebenar pendekatan tersebut oleh Guru Novis Pendidikan Islam (GNPI) yang berkhidmat di Sabah. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan soal selidik sebagai instrumen. Soal selidik telah dianalisis berdasarkan 319 orang responden yang terlibat dalam kajian ini. Dapatan kajian mencatatkan bahawa mereka memiliki persediaan asas dari segi pemilikan alatan m-pembelajaran dan kemahiran asas pengendalian peranti untuk tujuan pengajaran dan pemudahcaraan. Selain itu, niat yang positif untuk mengaplikasikan m-pembelajaran dibuktikan dengan dapatan dengan nilai mod 4 bagi semua item penggunaan sebenar. Semua dapatan ini tidak dipengaruhi oleh faktor jantina ataupun kawasan mengajar (sama ada bandar, luar bandar ataupun pedalaman).

**Kata Kunci:** M-Pembelajaran, Guru Novis, Pendidikan Islam

**Abstract:** This descriptive review research was conducted to determine the level of readiness towards implementation of mobile learning, attitude towards its usage, and the actual usage of this approach to the practice by Islamic Studies Novice Teachers (ISNT) that served in Sabah. This study uses quantitative methods and questionnaires as instruments. The questionnaire was analysed based on 319 respondents involved in this research. The findings show that they possess the basic readiness in terms of possession of m-learning tools and basic skills to operate devices for the purpose of learning and facilitating students. Besides, the positive attitude to apply m-learning proved by findings with value of mode 4 for all items related to actual approach. All these findings are not influenced by gender or location of teaching (either urban, rural or remote areas).

**Keywords:** M-Learning, Novice Teacher, Islamic Education

---

## **Pengenalan**

Kemajuan dunia teknologi memberi impak kepada dunia hari ini dan mempengaruhi pelbagai bidang. Pelbagai inovasi dilakukan bagi memudahkan kehidupan seharian manusia. Antaranya seperti inovasi dalam penciptaan pelbagai peranti mudah alih tanpa wayar seperti telefon pintar dan tab. Inovasi yang dilakukan membuka ruang kepada penggunaan peranti tersebut dalam bidang pendidikan.

Pemberian telefon pintar YES 4G kepada para guru daripada Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Syarikat YTL di bawah program Frog VLE (1BestariNet) selari dengan pengajaran abad ke-21 yang berorientasikan teknologi. Begitu juga Utusan Malaysia yang membekalkan tab kepada para guru di seluruh Malaysia. Melalui usahasama ini menunjukkan bahawa kementerian optimis untuk melakukan transformasi dalam bidang pendidikan (Ministry of Education Malaysia, 2013). Penggunaan peranti ini membuka dimensi baru dalam dunia pendidikan iaitu m-pembelajaran.

## **Situasi Pengajaran Subjek Pendidikan Islam**

Fokus kepada pengajaran subjek Pendidikan Islam, guru Pendidikan Islam (GPI) mengamalkan pengajaran yang bersifat tradisional dan bertumpu di dalam kelas telah menjadi amalan para guru di sekolah (Ahmad Yunus & Ab. Halim, 2010; Kamarul Azmi, 2013). Kaedah syarahan antara yang kerap digunakan untuk pengajaran Pendidikan Islam (Ab. Halim, Muhamad Faiz, & Kamarul Azmi, 2012) dan kaedah tersebut dianggap mundur kerana bersifat sehalu (Azhar & Nurul Huda, 2010). Pengajaran subjek Pendidikan Islam yang berkonsepkan konvensional dan berpusatkan guru bertentangan dengan konsep pengajaran abad ke-21 yang meraikan pendapat dan perbezaan tahap pelajar.

Pelbagai pedagogi boleh dipraktikkan oleh seorang guru tetapi tidak dipraktikkan oleh Guru Pendidikan Islam (GPI) kerana kekurangan latihan berkenaan pedagogi terkini (Ab. Halim Tamuri et al., 2012). Disamping itu, keadaan kelas yang tidak kondusif disebabkan jumlah pelajar yang ramai menjadi antara bebanan masalah kepada GPI untuk menghasilkan pembelajaran bermakna (Aziz Mahyuddin, 2017). Situasi 'berkongsi kelas' berlaku pada sekolah yang menggabungkan beberapa kelas untuk subjek Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral disebabkan oleh kuantiti pelajar Islam dan bukan Islam yang tidak seimbang dalam sesuatu kelas.

Sumber rujukan yang terhad turut mempengaruhi suasana pembelajaran yang bosan dan tidak memberi makna. Guru kerap bergantung kepada sumber daripada buku teks sahaja sedangkan ia tidak dapat menampung peningkatan pembaharuan maklumat sesuai dengan peredaran zaman (Mohd Faez, Kalthom, Mohd Amin, Zetty, & Murihah, 2016). Sebagai pemudah cara pembelajaran, guru perlu memiliki pelbagai idea kreatif bagi menggalakkan pembelajaran berlangsung dengan menarik (Ilhavenil & Wan Hasmah, 2013), meningkatkan motivasi dan pencapaian pelajar (Ghavifekr, Ahmad Zabidi, Muhammad Faizal, Ng, Yao, & Zhang, 2014) dan menggalakkan pelajar untuk berfikir supaya pengajaran berlangsung dengan berpusatkan pelajar (Noornajihan & Ab. Halim, 2015).

Penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran mendapat respon positif daripada guru-guru Pendidikan Islam (Mohd Faez, Kalthom, Mohd Amin, Zetty, & Murihah, 2016) dan guru pelatih (Ab. Halim et al., 2012), tetapi penekanan terhadap kursus teknologi maklumat dan komunikasi di peringkat pengajian tinggi adalah kurang (Ghavifekr et al., 2014; Ilhavenil & Wan Hasmah, 2013), tiada bimbingan dan kursus pedagogi terkini, kurangnya latihan-latihan

berkenan pedagogi terkini dan perlunya membina modul atau model yang berkonsepkan inovasi (Ab. Halim et al., 2012) untuk membina kebolehan bakal guru mengaplikasikan pedagogi tersebut di dalam kelas.

Kekurangan ini membuktikan bahawa keperluan kemahiran terhadap teknologi tidak seiring dengan usaha untuk menyiapkan bakal guru ke arah mahir teknologi, terutamanya GPI yang masih terikat dengan kaedah konvensional (Ab. Halim Tamuri et al., 2012; Norliza, Mohamad Sattar, & Roseannah, 2013). Langkah drastik perlu dilakukan sebagai persediaan guru pelatih yang akan bergelar guru novis. Fasa pengajian yang hampir selesai dan suasana alam pekerjaan sebagai pendidik tidak memberi ruang dan kesempatan kepada guru novis untuk mendalami pedagogi teknologi, melainkan kursus khas disediakan oleh pihak kementerian.

Terdapat banyak institusi latihan perguruan yang memfokuskan kepada membina kemahiran mengajar (Gibbs & Coffey, 2004) sedangkan realiti kerja guru bukan sekadar mengajar. Seajar dengan perkembangan teknologi dan maklumat, guru perlu menguasai kepelbagaian ilmu teknologi. Justeru, mereka perlu mahir dengan cara penggunaan peranti mudah alih dalam persekitaran pembelajaran (Sølvberg & Rismark, 2012). Penggunaan bahan bantu belajar yang pelbagai, dapat meningkatkan daya ingatan pelajar (Mohd Faez, Kalthom, Mohd Amin, Zetty, & Murihah, 2016). Anuar Ahmad (2015) dalam kajiannya tentang kemahiran kompetensi guru turut menyatakan bahawa sumber digital mempengaruhi pencapaian kognitif, psikomotor, minat dan perilaku pelajar kerana ianya dapat menarik minat, mudah ingat dan faham isi pelajaran.

Salah satu kaedah pengajaran yang membantu guru adalah dengan menggunakan teknologi (Rafiza & Siti Zarina, 2013) seperti m-pembelajaran. M-pembelajaran merujuk kepada penggunaan peranti mudah alih sebagai alatan pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) guru. Pembelajaran sendiri menggunakan peranti mudah alih dilihat sebagai alternatif kepada pengajaran konvensional dalam Pendidikan Islam. Guru yang menggunakan bantuan telefon mudah alih sebagai m-pembelajaran telah mengakui peranti tersebut sebagai alat sokongan kepada pengajaran yang menyeronokkan (Saedah Siraj & Muhammad Helmi, 2012). Oleh itu, m-pembelajaran dilihat sebagai alternatif kepada pengajaran Pendidikan Islam yang bersifat tradisional.

Dengan penambahbaikan yang dilakukan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia terhadap sistem pendidikan, guru perlu mengadaptasi kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) disamping memantapkan kaedah pengajaran yang lain. Hal ini kerana laman sesawang yang berkaitan seperti *Frog VLE* memudahkan guru dan pelajar untuk berkongsi nota dan melakukan perbincangan maya tanpa terikat masa dan tempat. Persoalannya, sejauh mana persediaan guru dengan kemajuan teknologi dan aplikasi ini? Dan sejauh mana mereka memiliki kemahiran mengendalikan peranti bagi tujuan PdPc?

### **Objektif Kajian**

Berdasarkan masalah yang dikemukakan, kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui:

- i) tahap kesediaan asas yang dimiliki GNPI dari aspek peralatan dan pengetahuan
- ii) tahap niat penggunaan peranti mudah alih dalam pengajaran dan pemudahcaraan di dalam kelas
- iii) tahap penggunaan sebenar peranti mudah alih dalam sesi pengajaran dan pemudahcaraan oleh GNPI.

## **M-Pembelajaran**

M-pembelajaran boleh ditakrifkan sebagai pembelajaran menggunakan peranti atau teknologi yang bersifat mudah alih (Nik Mastura, Mohd Nor, & Posiah, 2011; Saedah Siraj & Muhammad Helmi, 2012) seperti penggunaan komputer riba dan telefon bimbit sebagai medium pembelajaran (Issham, Rozhan, Azidah, & Munirah, 2010; Cochrane, 2010). Disifatkan sebagai mudah alih, spontan, dan juga sebagai revolusi daripada pembelajaran elektronik (*e-Learning*) dan pembelajaran teradun (*blended learning*) (Sølvberg & Rismark, 2012; Supyan, Mohd Radzi, Zaini, & Krish, 2012) dan merupakan seni dalam penggunaan teknologi untuk tingkatan pengalaman pembelajaran (Issham, Rozhan, et al., 2010).

Berdasarkan definisi ini dapat disimpulkan bahawa m-pembelajaran diistilahkan sebagai ‘pembelajaran dari dalam poket’, iaitu penggunaan peranti tanpa wayar untuk tujuan pendidikan, sesuai dengan matlamatnya untuk memudahkan pembelajaran tanpa mengambil kira bentuk media isi pelajaran dan bagaimana ia disampaikan kepada pelajar (Caudill, 2007).

Dengan saiz RAM yang kecil, peranti mudah alih tanpa wayar memudahkan proses pembelajaran berlaku tanpa mengira tempat dan masa, berbanding ciri-ciri buku teks dan nota yang menjadi rujukan pada masa-masa tertentu sahaja (Aliff Nawi et al., 2014). Kemajuan teknologi membuka peluang kepada bidang pendidikan untuk menggabungkan peranti mudah alih dengan persekitaran pembelajaran bagi meningkatkan kualiti pembelajaran (Heflin, Shewmaker, & Nguyen, 2017) serta memungkinkan pembelajaran berlaku ‘di luar kelas’, di mana guru berperanan sebagai pemudah cara (Sølvberg & Rismark, 2012) bagi mencapai isi pelajaran.

Sesuai dengan pembelajaran abad ke-21, guru berperanan sebagai pemudah cara (Kamarul, Mohd Faez, Ab. Halim, & Mohd Izham, 2011) dan sumber inspirasi kepada pelajar.

Sebagai pemudah cara pembelajaran, guru perlu memiliki pelbagai idea kreatif bagi menggalakkan pembelajaran berlangsung dengan menarik (Ilhavenil & Wan Hasmah, 2013), dapat meningkatkan motivasi dan pencapaian pelajar (Ghavifekr et al., 2014) dan menggalakkan pelajar untuk berfikir supaya pengajaran berlangsung dengan berpusatkan pelajar (Noornajihan & Ab. Halim, 2015). Seharusnya guru dapat menggalakkan pelajar untuk mengeluarkan idea dan pemikiran kritikal mereka bagi mewujudkan pengajaran aktif. Oleh itu, penggunaan peranti mudah alih dalam pengajaran dan pemudahcaraan dilihat sebagai alternatif kepada guru.

Secara kesimpulannya, pengamalan m-pembelajaran berbalik semula kepada guru dan pelajar untuk memilih ruang pembelajaran bebas atau terikat dengan kelas kerana kaedah tradisional dan teknologi saling memiliki kelebihan dan kekurangan (Sølvberg & Rismark, 2012). Inovasi teknologi yang pelbagai dapat memajukan kehidupan manusia, tetapi kejayaan penggunaannya bergantung kepada manusia itu sendiri. Penggunaan peranti mudah alih untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran masih kurang meluas sedangkan ia sangat kerap digunakan untuk menyokong pembelajaran (Song, Murphy, & Farley, 2013).

### ***Alatan m-pembelajaran***

Dua komponen utama m-pembelajaran ialah kemajuan peranti dan jaringan (*networking*). Menurut Caudill (2007), peranti yang digunakan sesuai dengan keperluan harian penggunaannya, boleh berfungsi tanpa disambung dengan punca kuasa dan dapat diakses dengan cepat kerana saiz yang kompak, konfigurasi serta tidak mengambil masa untuk ditutup atau dihidupkan. Berdasarkan ciri yang dinyatakan, komputer riba dan *notebook* bukan peranti

mudah alih yang dikategorikan oleh beliau. Manakala jaringan yang dinyatakan adalah akses kepada internet tanpa menyambungkan peranti kepada wayar bumi dan sambungan *bluetooth*. Tetapi dalam perbincangan ini, komputer riba diterima sebagai alatan m-pembelajaran sesuai dengan takrifan mudah alih (Issham, Thenmolli, et al., 2010).


Antara alatan yang dikategorikan sebagai alatan m-pembelajaran adalah seperti berikut (Rossyahida & Hashim, 2011; Nik Mastura et al., 2011):

- i. *Personal Digital Assistant* (PDA)
- ii. *Notebook* (kecil dan ringan)
- iii. Telefon selular yang memiliki kemudahan SMS, MMS, WAP dan GPRS
- iv. Telefon pintar (gabungan telefon bimbit dan PDA)
- v. Tablet
- vi. Ipad
- vii. Ipod
- viii. *Palm talk*

Jika dilihat pada kriteria peranti mudah alih dan sorotan kajian lepas, peranti mudah alih yang kerap digunakan dalam m-pembelajaran ialah telefon bimbit (Aliff & Mohd Isa, 2013) dan komputer riba (Ghavifekr, Ahmad Zabidi, Muhammad Faizal, Ng Y.R, Yao M., & Zhang T., 2014). Hal ini kerana kedua-duanya merupakan satu keperluan kepada guru dan pelajar. Tambahan pula aplikasi jaringan mudah alih untuk telefon bimbit lebih ekonomi dari segi kosnya dan mudah untuk digunakan (Afendi, Mohamed Amin Embi, & Haslinda, 2013), mengatasi masalah kelemahan sambungan internet, gangguan kuasa elektrik dan kekurangan sokongan komputer di sekolah (Tan C.K et al., 2013).

### **Kerangka Konseptual**

Bagi menjawab objektif yang dinyatakan, Model Penerimaan Teknologi (*Technology of Acceptance Model - TAM*) yang dipelopori oleh Davis, (1989) digunakan sebagai rujukan untuk membentuk kerangka model dalam kajian ini. Berdasarkan model tersebut, kemudahan penggunaan dan kemanfaatan sesuatu teknologi mempengaruhi sikap pengguna terhadap teknologi tersebut. Daripada sikap pula akan menimbulkan niat untuk menggunakan dan seterusnya membawa kepada penggunaan sebenar sesuatu teknologi. Penggunaan sebenar merupakan penilaian kepada penerimaan pengguna terhadap sesuatu teknologi.



**Rajah 1: Kerangka Konseptual**

Kerangka konsep yang dibentuk seperti dalam gambar rajah di atas, diubah suai daripada TAM dan disesuaikan dengan objektif kajian yang dijalankan. Berdasarkan model tersebut, melalui niat penggunaan akan mendorong kepada penggunaan sebenar teknologi tersebut. Manakala kesediaan asas pula merupakan instrumen tambahan bagi mengetahui persediaan dari segi kelengkapan peralatan dan kemahiran guru novis untuk menggunakan teknologi peranti mudah alih bagi tujuan PdPc. Dalam kajian ini, teknologi yang dimaksudkan adalah peranti mudah alih yang dimiliki oleh Guru Novis Pendidikan Islam dan digunakan untuk m-pembelajaran.

Kajian ini terbatas bagi mengetahui kesediaan asas bagi melihat sejauh mana kesediaan GNPI

menggunakan peranti mudah alih yang dibekalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia digunakan untuk tujuan pengajaran dan pemudah caraan mereka, disamping teknologi yang mereka sendiri miliki. Manakala niat penggunaan adalah berkesinambungan daripada pemilikan peranti dan kesediaan mereka bagi melaksanakan m-pembelajaran yang seterusnya menghasilkan penggunaan sebenar peranti tersebut dalam PdPc GNPI.

### Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan reka bentuk kajian tinjauan (survei). Kajian tinjauan bermatlamat untuk mengumpulkan maklumat dan mengukur pembolehubah yang berkait dengan sesuatu fenomena tanpa menyoal mengapa pembolehubah tersebut wujud (Mohd Majid, 2005). Kajian tinjauan yang dilakukan oleh pengkaji bermatlamat untuk mengetahui tahap kesediaan guru novis Pendidikan Islam terhadap penggunaan m-pembelajaran dari segi kesediaan peranti dan kemahiran asas, mengenal pasti niat kecenderungan melaksanakan m-pembelajaran, serta mengetahui tahap penggunaan peranti tersebut dalam m-pembelajaran.

Kajian yang dijalankan berbentuk deskriptif, tanpa mengetahui perhubungan antara setiap pembolehubah. Manakala instrumen yang digunakan adalah berdasarkan item yang terdapat pada TAM dan dikembangkan kepada beberapa sub konstruk. Setiap konstruk item mengandungi beberapa jumlah soalan dan dinilai menggunakan 5 tingkatan Skala Likert, dari 1-Sangat Tidak Setuju hingga 5-Sangat Setuju.

**Jadual 1: Konstruk Soalan**

Konstruk	Jumlah Soalan	Label
Kesediaan Asas	5	ASAS 1-5
Niat Penggunaan	4	IU 1-4
Penggunaan Sebenar	4	USE 1-4

Reka bentuk kajian ini adalah seperti gambar rajah di bawah:

**Jadual 2: Reka bentuk penyelidikan**

Reka bentuk Kajian	Kaedah Pengumpulan	Responden / Sampel	Jenis Data
Kajian tinjauan – deskriptif (survei)	Soal selidik	Guru Novis Pendidikan Islam	Kuantitatif – soal selidik

Sebelum instrumen diedarkan kepada sampel, kajian rintis dijalankan terhadap 44 orang GNPI mewakili populasi. Hasil kajian rintis yang dijalankan, *Alpha Cronbach* mencatatkan nilai .849. berdasarkan nilai tersebut, instrumen dilanjutkan untuk kajian lapangan tanpa menggugurkan item.

Responden dipilih secara rawak mengikut zon di negeri Sabah, berdasarkan data populasi yang didapatkan daripada Kementerian Pelajaran Malaysia. Daripada populasi 826 orang, 600 soal selidik telah diedarkan dan hanya 319 orang responden.

**Jadual 3: Jumlah Responden mengikut Bahagian Zon**

Zon	Jumlah Daerah	Jumlah Sekolah Terlibat	Jumlah GNPI
Pantai Barat (Utara)	3	43	51
Pantai Barat (Selatan)	6	75	78
Pedalaman	7	19	19
Pantai Timur (Utara)	4	30	35

Pantai Timur (Selatan)	4	122	136
<b>Jumlah</b>	<b>24</b>	<b>289</b>	<b>319</b>

## Dapatan Kajian Demografik Responden

**Jadual 4: Taburan Demografik Responden Kajian**

Item	Perincian	Kekerapan	Peratusan
Jantina	Lelaki	77	24.1
	Perempuan	242	75.9
Kelulusan	Sarjana Muda	319	100
Umur	22-24 tahun	13	4.1
	25-27 tahun	270	84.6
	28-30 tahun	36	11.3
Langganan Internet	RM 3 – 30	48	15.0
	RM 31 – 50	94	29.5
	RM 51 – 100	137	42.9
	RM 101 – 150	40	12.5
Kawasan Mengajar	Bandar	180	56.4
	Luar Bandar	132	41.4
	Pedalaman	7	2.2

Jadual 3 memaparkan demografi Guru Novis Pendidikan Islam di Sabah yang telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Seramai 77 orang (24.1%) adalah lelaki dan 242 orang (75.9%) adalah perempuan dan kesemuanya berkelulusan Sarjana Muda sebagai pencapaian akademik tertinggi. Manakala seramai 306 orang guru novis mewakili 95.9% berumur 25 tahun ke atas. Dari segi langganan internet pula, seramai 177 orang mewakili 55.4% melanggan internet pada kadar RM 51 – 150.

Jadual juga memaparkan 180 orang mewakili 56.4% berkhidmat di sekolah bandar. Mengikut dapatan kajian yang dilakukan oleh Sølvsberg dan Rismark (2012) menyatakan bahawa teknologi seperti m-pembelajaran dapat menghubungkan kaitan antara pembelajaran pelajar, masa, tempat serta topik dan teknologi yang pelbagai. Ia membentuk satu geografi baru dalam persekitaran pembelajaran yang tidak terikat dengan sesuatu kawasan tertentu.

Berdasarkan Jadual 3 menunjukkan responden lelaki dan perempuan terdiri daripada umur 20-an dan mengajar antara kawasan bandar, luar bandar dan pedalaman. Taburan demografik ini sesuai dengan keperluan penyelidik untuk mendapatkan responden daripada tiga kawasan mengajar, bersesuaian dengan tahap status sekolah yang digariskan oleh pihak kementerian (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016).

Pemilikan peranti mudah alih merupakan syarat utama kepada m-pembelajaran. Responden dalam kajian ini memiliki pelbagai peranti mudah alih yang dikelaskan oleh penyelidik dalam borang soal selidik. Jadual 5 menunjukkan peratus dan jumlah pemilikan peranti tersebut.

**Jadual 5: Peratus Pemilikan Peranti Mudah Alih**

Jenis Peranti	Jumlah	Peratus
Telefon selular	58	18.2
Telefon pintar	319	100.0
Tablet	159	49.8
Komputer riba	312	97.8
Ipad	29	9.1

Ipod	13	4.1
PDA	0	0
<i>Palm talk</i>	0	0

Peratus pemilikan telefon pintar mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 100%, menunjukkan bahawa semua responden memiliki telefon pintar. Diikuti dengan komputer riba iaitu 312 orang dengan peratus sebanyak 97.8%. Manakala pemilikan tablet seramai 159 orang dengan peratus 49.8%. Telefon selular pula mencatatkan 18.2%, iaitu hanya 58 orang yang masih memilikinya. Ipad dan Ipod masing-masing dimiliki oleh 29 orang (9.1%) dan 13 orang (4.1%) daripada responden. Manakala tiada responden yang memiliki *Palm Talk* ataupun PDA.

Kesemua responden memiliki peranti yang pelbagai, dan memiliki lebih daripada satu peranti mudah alih. Berdasarkan kadar langganan internet pula, semua melanggan pada kadar yang berbeza. Dapat dirumuskan bahawa mereka bersedia menerima m-pembelajaran dari aspek alatan dan mempunyai akses kepada teknologi yang diperlukan untuk pengajaran mudah alih (Mohd Paris Saleh, 2016), tetapi tidak bermakna mereka dapat menggunakannya secara efektif dalam m-pembelajaran, seperti dapatan kajian Supyan Hussin et al., (2012).

### Analisis Deskriptif Item

#### *Kemahiran Asas, Niat Penggunaan dan Penggunaan Sebenar*

Bahagian B bagi soal selidik ini dianalisis berdasarkan skala likert 5 iaitu skala 1 (sangat tidak setuju), skala 2 (tidak setuju), skala 3 (tidak pasti), skala 4 (setuju), skala 5 (sangat setuju). Bahagian ini mengandungi 17 item bagi mengenalpasti kemahiran asas yang dimiliki responden terhadap m-pembelajaran, niat penggunaan peranti mudah alih dalam pengajaran dan pemudah caraan dan juga penggunaan sebenar peranti mudah alih dalam pengajaran dan pemudah caraan (aplikasi m-pembelajaran) responden. Analisis item bahagian ini adalah seperti Jadual 5.

**Jadual 6 : Analisis Item Kemahiran Asas (ASAS)**

Bil	ASAS	Item	Tidak Setuju (%)	Tidak Pasti (%)	Setuju (%)	Mod
1	ASAS 1	Saya pernah mengikuti kursus asas tentang pengaplikasian m-pembelajaran	114 (35.7)	77 (24.1)	128 (40.2)	4
2	ASAS 2	Saya mempunyai pengetahuan mengenai perisian <i>Word Processor</i> (contohnya seperti <i>Microsoft, Kingsoft Office</i> ) dalam peranti mudah alih	30 (9.4)	25 (7.8)	264 (82.8)	4
3	ASAS 3	Saya boleh menyelenggara perkakasan peranti mudah alih sekiranya terdapat kerosakan yang kecil	61 (19.2)	147 (46.1)	111 (34.8)	3
4	ASAS 4	Saya mengetahui fungsi-fungsi yang terdapat pada peranti mudah alih.	31 (9.7)	116 (36.4)	172 (53.9)	4
5	ASAS 5	Saya mempunyai pengetahuan untuk mengendalikan peranti mudah alih semasa pengajaran dan pemudah caraan	17 (5.3)	87 (27.3)	215 (67.4)	4

Bagi sub konstruk item berkaitan ASAS 1, seramai 128 (40.2%) responden bersetuju pernah mengikuti kursus berkaitan asas m-pembelajaran. Item ASAS 2 pula mencatatkan majoriti



responden iaitu seramai 264 (82.8%) mengetahui perisian *Word Processor* dalam peranti mudah alih. Diikuti dengan ASAS 3, hanya 111 (34.8) orang responden berkebolehan untuk menyelenggara perkakasan peranti mudah alih sekiranya terdapat kerosakan yang kecil dan 147 (46.1%) orang yang tidak pasti sekiranya mereka memiliki kebolehan tersebut. Bagi ASAS 4 pula, 172 (53.9%) orang responden mempunyai pengetahuan untuk mengendalikan peranti mudah alih semasa pengajaran dan pemudahcaraan. Item ASAS 5 mencatatkan seramai 215 (67.4%) orang mempunyai pengetahuan untuk mengendalikan peranti mudah alih semasa pengajaran dan pemudahcaraan dan hanya 17 (5.3%) sahaja yang tidak bersetuju dengan item ini.

Berdasarkan 5 item ini menunjukkan responden cenderung memiliki pengetahuan dan kemahiran asas terhadap penggunaan peranti mudah alih dan kemahiran tersebut boleh diaplikasi bagi tujuan pengajaran dan pemudahcaraan di dalam kelas. Data ini disokong oleh kajian Aliff Nawawi dan Mohd Isa Hamzah (2013) dimana GPI biasa dengan penggunaan aplikasi dalam peranti yang dimiliki mereka. Pengalaman dan kemahiran sedia ada GNPI terhadap penggunaan peranti mudah alih yang dipadankan dengan kemajuan sesuatu program, aplikasi atau perisian (*software*) menjadikan pengajaran mereka lebih efektif untuk mencapai objektif pengajaran (Heflin et al., 2017).

**Jadual 7: Analisis Item Niat untuk Menggunakan (IU)**

Bil	Item	Tidak Setuju (%)	Tidak Pasti (%)	Setuju (%)	Mod
1	IU 1 Saya berminat untuk mendalami penggunaan m-pembelajaran	0	2 (0.6)	317 (99.4)	4
2	IU 2 Saya ingin menggunakan peranti mudah alih sebagai medium pengajaran dan pemudah caraan	0	13 (4.1)	306 (96)	4
3	IU 3 Saya akan kerap menggunakan m-pembelajaran pada masa akan datang	6 (1.9)	12 (3.8)	301 (94.4)	4
4	IU 4 Saya akan menggalakkan guru lain melaksanakan kaedah m-pembelajaran	12 (3.8)	78 (24.5)	229 (71.8)	4

Bagi sub konstruk item berkaitan niat penggunaan, seramai 317 (99.4%) responden minat untuk mendalami m-pembelajaran. Diikuti dengan item IU 2, 306 (96%) orang responden ingin melaksanakan m-pembelajaran dalam kelas mereka. Dan selebihnya memberi respon tidak pasti, iaitu seramai 13 (4%) orang sahaja. Item IU 3 menunjukkan 301 (94.4%) orang responden berniat untuk kerap menggunakan peranti mudah alih sebagai medium pengajaran dan pemudah caraan, dan diikuti dengan item IU 4 hanya 229 (71.8%) orang yang akan mempengaruhi rakan sekerja untuk menggunakan pendekatan ini. Manakala seramai 293 (91.8%) orang.

Secara keseluruhan, bagi item niat penggunaan (IU), majoriti responden memberikan jawapan yang positif. Hal ini menunjukkan GNPI memiliki kecenderungan niat positif untuk menggunakan peranti mudah alih dalam pengajaran dan pemudah caraan. Kecanggihan sesuatu peranti akan menyediakan kemudahan yang memenuhi keperluan penggunaannya. Semakin canggih sesuatu teknologi, semakin banyak kemudahan yang disediakan dan menjadikan penggunaannya lebih efektif (Nik Mastura Nik Mohammad et al., 2011).

**Jadual 8: Analisis Item Penggunaan Sebenar (USE)**

Bil	Item	Tidak Setuju (%)	Tidak Pasti (%)	Setuju (%)	Mod
1	USE 1 Saya menggunakan peranti mudah alih untuk memuat naik bahan untuk pelajar	17 (5.3)	40 (12.5)	262 (82.2)	4
2	USE 2 Saya menggunakan peranti mudah alih dalam pengajaran dan pemudah caraan (m-pembelajaran) secara mingguan	5 (1.6)	22 (6.9)	292 (91.5)	4
3	USE 3 Saya menggunakan peranti mudah alih dalam pengajaran dan pemudah caraan (m-pembelajaran) setiap hari	66 (20.7)	97 (30.4)	156 (48.9)	4
4	USE 4 Suka tidak pernah menggunakan peranti mudah alih dalam pengajaran dan pemudah caraan (m-pembelajaran)	291 (91.2)	13 (4.1)	15 (4.7)	2

Pada item USE 1, seramai 262 (82.2%) orang responden menggunakan peranti mudah alih untuk memuat naik bahan untuk pelajar. Manakala 292 (91.5%) orang responden menggunakan peranti mudah alih dalam pengajaran dan pemudah caraan (m-pembelajaran) secara mingguan bagi item USE 2. Item USE 3 pula mencatatkan persetujuan sebanyak 156 (48.9%) orang responden melaksanakan m-pembelajaran setiap hari. Bagi item USE 4 menunjukkan seramai 291 (91.2%) orang tidak menggunakan peranti mudah alih bagi aktiviti pengajaran dan pemudah caraan mereka.

Berdasarkan item USE 4, dapatan menunjukkan negatif, berlawanan dengan item bagi sub konstruk penggunaan. Hal ini bersesuaian dengan item tersebut yang bersifat negatif. Dapatan ini menunjukkan bahawa hampir semua responden pernah menggunakan peranti mudah alih untuk tujuan pengajaran dan pemudah caraan di dalam kelas mereka, walaupun tidak sekerap bulanan, mingguan mahupun harian.

Secara keseluruhan, item dalam USE mencatatkan peratus persetujuan yang rendah berbanding item ASAS dan IU. Begitu juga respon negatif turut menunjukkan jumlah mencecah ratusan. Perkara ini menunjukkan bahawa tidak semua GNPI pernah melaksanakan penggunaan peranti mudah alih dalam pengajaran dan pemudahcaraan di dalam kelas, seperti dapatan daripada kajian Kamarul Azmi Jasmi et al., (2011) terhadap Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI). Walaupun bergelar guru cemerlang, masih terdapat antara mereka yang tidak menggunakan teknologi mudah alih atas faktor-faktor tertentu.

### **Perbincangan dan Dapatan Kajian**

Hasil analisis data borang soal selidik bagi Bahagian B menunjukkan item yang mencatatkan peratus jawapan berskala 4 dan 5 tertinggi adalah pada item 6, iaitu sebanyak 99.4% daripada responden sangat berminat untuk mendalami m-pembelajaran. Seterusnya item 8 menunjukkan bahawa 96% daripada responden bersedia untuk menghadapi cabaran m-pembelajaran. Daripada item niat penggunaan, respon positif diberikan responden menunjukkan bahawa mereka menerima dan berniat untuk melaksanakan m-pembelajaran dalam subjek Pendidikan Islam.

Secara keseluruhan, responden memberikan respon positif terhadap sikap terhadap m-

pembelajaran, niat penggunaan peranti mudah alih dalam pengajaran dan pemudah caraan dan juga penggunaan sebenar peranti mudah alih dalam pengajaran dan pemudah caraan (aplikasi m-pembelajaran). Respon positif daripada setiap aspek yang dikaji berdasarkan TAM, sesuai dengan cadangan Mohd Paris Saleh (2016) yang mencadangkan pengajaran dengan pendekatan m-pembelajaran bagi mengatasi kekangan pengajaran konvensional.

#### ***Aspek Kesediaan Asas dari segi Peralatan dan Pengetahuan berkaitan m-Pembelajaran***

Kajian ini mendapati bahawa Guru Novis Pendidikan Islam di Sabah memiliki kemahiran asas bagi pelaksanaan m-pembelajaran. Peratus pemilikan peranti mudah alih dan langganan internet yang tinggi menunjukkan peralatan asas dimiliki oleh GNPI, begitu juga dari segi pengendalian peranti tersebut dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan mereka. Hal ini menunjukkan bahawa wujud potensi yang positif bagi menggunakan aplikasi mudah alih dalam Pendidikan Islam.

Pembekalan peranti mudah alih daripada Kementerian menjadi nilai tambah kepada pelaksanaan positif m-pembelajaran. Tambahan pula, aplikasi *FrogVLE* yang diwajibkan kepada semua guru dapat diakses dengan mudah melalui peranti mudah alih. Secara tidak langsung, meningkatkan potensi pembinaan aplikasi mudah alih bagi memudahkan pengajaran subjek Pendidikan Islam (Aliff Nawi et al., 2014).

#### ***Niat Penggunaan Peranti Mudah Alih untuk tujuan Pengajaran dan Pemudah caraan Guru***

Di samping kesediaan peralatan dan pengetahuan asas, GNPI mempunyai niat untuk menggunakan peranti mudah alih yang dimiliki bagi penggunaan di dalam kelas sebagai alat menyokong pengajaran dan pembelajaran, (Song et al., 2013). Melalui niat penggunaan, mendorong GNPI untuk mengaplikasikan m-pembelajaran ketika kelas berlangsung. Dapatan bagi penggunaan sebenar peranti mudah alih untuk tujuan pengajaran dan pemudahcaraan GNPI selari dengan dapatan niat penggunaan.

#### ***Penggunaan Sebenar Peranti Mudah Alih untuk tujuan Pengajaran dan Pemudah caraan Guru***

Walaupun masih bergelar guru novis, tidak menghalang mereka untuk mengaplikasikan m-pembelajaran sebagai salah satu pendekatan. Tambahan pula peranti mudah alih merupakan satu alat komunikasi yang diperlukan. Penggunaannya digabungkan sesuai dengan keperluan guru dalam pelaksanaan tugas harian yang melibatkan penyampaian isi pelajaran kepada pelajar.

#### **Rumusan**

Beberapa rumusan kajian dapat disimpulkan seperti berikut:

1. Guru Novis Pendidikan Islam di Sabah bersedia untuk menggunakan pendekatan m-pembelajaran dari segi kesediaan peralatan, langganan internet dan kemahiran asas bagi penggunaan peranti mudah alih dalam pengajaran mereka. Seterusnya mempengaruhi niat mereka bagi mengaplikasikan m-pembelajaran.
2. Namun demikian, sub konstruk bagi “membaiki peranti” hanya mencapai tahap sederhana.
3. Niat penggunaan dizahirkan dengan penggunaan sebenar pendekatan m-pembelajaran oleh GNPI apabila item “penggunaan sebenar” mencatatkan nilai mod 4.

Daripada rumusan kajian, adalah dicadangkan agar:

1. GNPI digalakkan untuk menerokai aplikasi yang sesuai dengan peranti mudah alih sebagai alat penyokong pengajaran dan pemudahcaraan di dalam kelas.
2. GNPI perlu memahami fungsi yang terdapat pada peranti mudah alih untuk digunakan sebagai m-pembelajaran bagi memaksimumkan penggunaan fungsi-fungsi tersebut, walaupun tidak memiliki kemahiran untuk membaikinya.
3. Kajian akan datang dicadangkan untuk mengkaji lebih dalam lagi berkenaan kemahiran GNPI berkaitan penggunaan pelbagai teknologi untuk tujuan pengajaran dan pemudahcaraan, sama ada melalui teknik temu bual ataupun soal selidik.
4. Kajian lanjutan juga dicadangkan untuk mengkaji faktor yang mempengaruhi penggunaan m-pembelajaran ataupun jenis peranti, atau aplikasi peranti mudah alih yang bersesuaian dengan keperluan guru.

## Rujukan

- Ab. Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail, & Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Komponen Asas Untuk Latihan Guru Pendidikan Islam. *GJAT*, 2(2), 53–63.
- Afendi Hamat, Mohamed Amin Embi, & Haslinda Abu Hassan. (2013). Preparing for Mobile Learning: A Readiness Study at Universiti Kebangsaan Malaysia. In Mohamed Amin Embi & Norazah Mohd Nordin (Eds.), *Mobile Learning: Malaysian Initiatives & Research Findings* (pp. 19–25). Kementerian Pengajian Tinggi.
- Ahmad Yunus Kasim, & Ab. Halim Tamuri. (2010). Pengetahuan Pedagogikal Kandungan ( PPK ) Pengajaran Akidah : Kajian Kes Guru Cemerlang Pendidikan Islam. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2), 13–30.
- Aliff Nawawi, & Mohd Isa Hamzah. (2013). Tahap Penerimaan Penggunaan Telefon Bimbit Sebagai M-Pembelajaran dalam Pendidikan Islam. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 5(1), 1–10.
- Aliff Nawawi, Mohd Isa Hamzah, & Surina Akmal Abd Sattai. (2014). Potensi Penggunaan Aplikasi Mudah Alih ( Mobile Apps ) Dalam Bidang Pendidikan Islam. *The Online Journal of Islamic Education*, 2(2), 26–35.
- Azhar Muhammad, & Nurul Huda Abdul Wahab. (2010). Aplikasi ICT dalam Pengajaran Pendidikan Islam Semasa Latihan Mengajar, 1–8.
- Aziz Mahyuddin. (2017). Bebanan Tugas Menghakis Dinamika Pengajaran Guru: Mencari Jalan Keluar. In Mohd Farid Mohd Shahrani & Nor Hartini Saari (Eds.), *Guru Cemerlang Pendidikan Islam: Persediaan dan Cabaran* (2nd ed., pp. 159–169). Seri Kembangan: IKIM.
- Caudill, J. (2007). The Growth of m-Learning and the Growth of Mobile Computing : Parallel developments Mobile Computing : Parallel developments. *International Review of Research in Open and Distance Learning*, 8(2), 1–14.
- Cochrane, T. D. (2010). Exploring mobile learning success factors. *Research in Learning Technology*, 18(2), 133–148. <https://doi.org/10.1080/09687769.2010.494718>
- Davis, F. D. (1989). Perceived Usefulness , Perceived Ease Of Use , And User Acceptance. *MIS Quarterly*, 13(3), 319–339. <https://doi.org/10.2307/249008>
- Ghavifekr, S., Ahmad Zabidi Abd Razak Muhammad Faizal A. Ghani, Ng Yan Ran, Yao Meixi, & Zhang Tengyue. (2014). ICT Integration In Education: Incorporation for Teaching & Learning Improvement. *Malaysian Online Journal of Educational Technology*, 2(2), 24–54. Retrieved from <http://www.mojet.net/article.php?volume=2&issue=2&vid=34&article=80>
- Gibbs, G., & Coffey, M. (2004). The Impact Of Training Of University Teachers on their Teaching Skills, their Approach to Teaching and the Approach to Learning of their Students. *Active Learning in Higher Education*, 5(1), 87–100.

- <https://doi.org/10.1177/1469787404040463>
- Heflin, H., Shewmaker, J., & Nguyen, J. (2017). Impact of mobile technology on student attitudes, engagement, and learning. *Computers & Education*, 107, 91–99. <https://doi.org/10.1016/j.compedu.2017.01.006>
- Ilhavelil Narinasamy, & Wan Hasmah Wan Mamat. (2013). Utilization of Ict by Moral Education Teachers. *Malaysian Online Journal of Educational Technology*, 1(4), 44–53. Retrieved from <http://www.mojet.net/>
- Issham Ismail, Rozhan M. Idrus, Azidah Abu Ziden, & Munirah Rosli. (2010). Adoption of Mobile Learning Among Distance Education Students in Universiti Sains Malaysia. *International Journal of Interactive Mobile Technologies (iJIM)*, 4(2), 24–28. <https://doi.org/10.3991/ijim.v4i2.1167>
- Issham Ismail, Thenmolli Gunasegaran, P.P Koh, & Rozhan M. Idrus. (2010). Satisfaction of Distance Learners towards Mobile Learning in the Universiti Sains Malaysia. *Malaysian Journal of Education Technology*, 10(2), 47–54.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2013). Pembelajaran Aktif dalam Pendidikan Islam : Pengamalan guru cemerlang Pendidikan Islam. In *Seminar Perneriksaan Pengajaran Agama Islam di Malaysia ( Seminar Empowerment Islamic Teaching in Malaysia )* (pp. 1–16).
- Kamarul Azmi Jasmi, Mohd Faez Ilias, Ab. Halim Tamuri, & Mohd Izham Mohd Hamzah. (2011). Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3(1), 59–74. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). PEKELILING PERKHIDMATAN BIL.1 TAHUN 2016.
- Mohd Faez Ilias, Kalthom Husain, Mohd Amin Mohd Noh, Zetty Nurzuliana Rashed, & Murihah Abdullah. (2016). Sumber Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan GPI Sekolah Bestari. *E-Academia Journal UiTMT*, 5(2), 106–114.
- Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan (7th ed.)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Paris Saleh. (2016). *Model Pengajaran M-Pembelajaran Berasaskan Kaedah Inkuiri Mata Pelajaran Sejarah Peringkat Menengah*. Universiti Malaya.
- Nik Mastura Nik Mohammad, Mohd Nor Mamat, & Posiah Mohd Isa. (2011). M-learning in Malaysia: Challenges and Strategies. In *The 3rd International Conference on e-Learning ICEL2011, 23-24 November 2011, Bandung, Indonesia M-learning* (Vol. 67, pp. 393–401). Elsevier B.V. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.11.343>
- Noornajihan Jaafar & Ab. Halim Tamuri. (2015). Perbezaan Kualiti Guru Pendidikan Islam sekolah Menengah Kebangsaan Berdasarkan Jantina, Lokasi Sekolah dan Kekerapan Menyertai Latihan dalam Perkhidmatan. *The Online Journal of Islamic Education*, 3(2), 1–13.
- Norliza Hussin, Mohamad Sattar Rasul, & Roseamnah Abd Rauf. (2013). Penggunaan Laman Web Sebagai Transformasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam. *The Online Journal of Islamic Education*, 1(2), 58–73.
- Rafiza Abdul Razak, & Siti Zarina Syed Nordin. (2013). Projek Pembangunan Perisian Multimedia: Strategi Pengajaran Yang Membentuk Keperibadian Guru Pelatih. *Jurnal Kurikulum Dan Pengajaran Asia Pasifik*, 1(1), 42–52.
- Rossyahida Abd Rahman, & Hashim, M. H. M. (2011). M-Pembelajaran Dalam Pendidikan Teknik Dan Vokasional (PTV) Di Malaysia. In *Persidangan Kebangsaan Penyelidikan dan Inovasi Dalam Pendidikan dan Latihan Teknik Vokasional* (pp. 1–11).
- Saedah Siraj, & Muhammad Helmi. (2012). *m-Learning: A New Dimension of Curriculum Advancement*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Sølvberg Astrid, & Rismark Marit. (2012). Learning spaces in mobile learning environments. *Active Learning in Higher Education*, 13(1), 23–33. <https://doi.org/DOI:10.1177/1469787411429189>
- Song, H. S. Y., Murphy, A., & Farley, H. (2013). Mobile devices for learning in Malaysia : Then and now. In *30th ascilite Conference* (pp. 830–834). Sydney.
- Supyan Hussin, Mohd Radzi Manap, Zaini Amir, & Krish, P. (2012). Mobile learning readiness among Malaysian students at higher learning institutes. *Asian Social Science*, 8(12), 276–283. <https://doi.org/10.5539/ass.v8n12p276>
- Tan Choon-Keong, Ng Shi Ing, & Lee Kean-Wah. (2013). Readiness for Mobile Learning at a Public University in East Malaysia. In Mohamed Amin Embi & Norazah Mohd Nordin (Eds.), *Mobile Learning: Malaysian Initiatives & Research Findings* (pp. 27–37). Kementerian Pengajian Tinggi.